| PRODUCT DISCLOSURE SHEET<br><br>**(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the *IKHLAS* Group Credit Term Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions).** | **TAKAFUL IKHLAS SDN BHD**<br><br>***IKHLAS* Group Credit Term Takaful**<br><br>Date: |
|---|---|

**1. What is this product about?**

This product is designed to provide coverage to pay the reducing sum covered to any institution (Master Certificate Holder) in the event of the participant's death (who is the borrower) or if the participant becomes totally and permanently disabled.

**2. What are the Shariah concepts applicable?**

- **Tabarru'** – is a donation where a participant donates a pre-determined percentage of contribution to the risk fund to provide assistance to fellow participants.
- **Wakalah** – is a contract of agency where the participant appoints Takaful Ikhlas Sdn Bhd (Takaful IKHLAS) as wakeel to conduct the affairs of Takaful business i.e. providing protection, investment etc on his/her behalf.

**3. What are the covers / benefits provided?**

| **Benefits** | **Description** |
|---|---|
| Natural / Accidental Death | Upon death of the participant, the reducing sum covered is payable to the institution where financing is arranged. The benefit is payable subject to the following condition:<br>• Pre-existing condition is excluded in the first 12 (twelve) months effective from the certificate commencement date. |
| Total Permanent Disability | Upon total permanent disablement of the participant, the reducing sum covered is payable to the institution where financing is arranged. The total permanent disability benefit is payable subject to the following conditions:<br>• The total permanent disability is based on "any" occupation definition.<br>• The total permanent disability is payable after satisfying a qualifying period ( waiting period) that such disability must last for a continuous period of not less than six months in duration.<br>• Pre-existing condition is excluded in the first 12 (twelve) months effective from the certificate commencement date. |
| Maturity | Upon maturity of the certificate, participant will receive the accumulated amount in the Personal Risk Investment Account (PRIA), if any. |
| Surrender | Upon surrender of the certificate, participant will receive the accumulated amount in the Personal Risk Investment Account (PRIA), if any. |

**4. How much contribution do I have to pay?**

The total contribution that you have to pay varies depending on the amount of financing requested for. In addition, there are also other factors determining the amount of contribution such as age of the person, occupation type and previous medical history.

**5. What are the fees and charges that I have to pay?**

| Type | Amount |
|---|---|
| Wakalah Fees | 20% of contribution |
| Commission | 10% of contribution |
| Stamp Duty | RM10.00 |

* The Wakalah fee is inclusive of the commission

**6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

Importance of disclosure – you must disclose all material facts such as your health condition, age and occupation correctly. Takaful IKHLAS has the right to repudiate liability in the event that you failed to disclose relevant information that would affect the decision to accept or reject the risk, and on the terms to be applied to you.

Assignment of Individual Certificate - As the Individual Certificate is issued under the Scheme with the Master Certificate Holder specified in the Master Certificate being named as the Master Certificate owner, no assignments of Individual Certificates shall be allowed under this Master Certificate.

Period of Khiyar (Right of Cancellation) - Provided that a prior written notice is given by the Master Certificate Holder, within fifteen (15) days from the date of issuance of this Certificate, any participant may return this Certificate to the Company and the Company shall cancel it immediately upon receipt of the document and refund the contribution less any medical expenses incurred by the Company. Once a Certificate is returned to the Company and cancelled by the Company, it shall be deemed not effective from the date of issue.

**7. What are the major exclusions under the certificate?**

This certificate does not cover certain losses, such as :

- On death - Should the Participant, whether sane or insane commits suicide, dies as a result of Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or other sexually transmitted diseases or
- On Total Permanent Disability due to:
  - self-inflicted injury or any attempt thereat while sane or insane;
  - military or naval service in time of declared or undeclared war or while under orders for war like operations or restoration of public order;
  - operating or servicing, ascending or descending from or with any aerial device or conveyance except while the Participant is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular schedule passenger trip over its established passenger route or when the Participant is a passenger of a fully licensed aircraft or helicopter services operating in areas not serviced by a regular scheduled passenger aircraft;
  - if the Participant is found to be infected by any Human Immunodeficiency Virus (HIV) or Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or other sexually transmitted diseases;
  - if the Participant is under the influence of alcohol or drugs other than in accordance with the direction of a registered medical practitioner;
  - if the Participant participates in a riot, or commits a criminal offence;

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate under General Exceptions for the full list of exclusion under this certificate.

**8. Can I cancel my certificate?**

**(If Payment of Contribution by the Participant)**
When you have fully settled your financing facility prior to the maturity date, you may request to cancel your certificate at any time by giving written notice and valid discharge to Takaful IKHLAS. Upon cancellation, you are entitled to the accumulated amount in the Personal Risk Investment Account (PRIA).

**(If Payment of Contribution by the Certificate Holder)**
When you have fully settled your financing facility prior to the maturity date, the Certificate Holder may request to cancel your certificate at any time by giving written notice to Takaful IKHLAS. Upon cancellation, the accumulated amount in the Personal Risk Investment Account (PRIA) will be refunded to the Certificate Holder.

**9. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**10. Where can I get further information?**

Should you require additional information about Family Takaful, please refer to insurance info booklet on 'Family Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from our Takaful agent or visit www.insuranceinfo.com.my .

If you have any enquiries, please contact us at :

(1) Takaful Ikhlas Sdn Bhd
CRM Department
IKHLAS Point, Tower 11A,
Avenue 5, Bangsar South
No.8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
Tel: +603 2723 9999
Fax: +603 2723 9998
Email: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

**11. Other types of similar takaful cover available**

*IKHLAS* Mortgage Reducing Term Takaful

**IMPORTANT NOTE:**

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF CERTIFICATES THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this disclosure sheet is valid effective from 01/09/2010.

{Versi Bahasa Malaysia}

| **HELAIAN KETERANGAN PRODUK**<br>**(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil *IKHLAS* Group Credit Term Takaful. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).** | **TAKAFUL IKHLAS SDN BHD**<br>***IKHLAS* Group Credit Term Takaful**<br>Tarikh: |
|---|---|

**1. Produ.k apakah ini?**

Produk ini direka untuk menyediakan perlindungan bagi membayar jumlah perlindungan menyusut kepada mana-mana institusi (Pemegang Sijil Induk) akibat kematian atau keilatan kekal dan menyeluruh ke atas peserta (yang juga merupakan peminjam).

**2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai?**

- **Tabarru'** – adalah derma dimana peserta bersetuju mendermakan peratusan yang telah ditentukan daripada caruman kepada Dana Risiko untuk membantu peserta lain.
- **Wakalah** – adalah kontrak perwakilan di mana peserta melantik Takaful Ikhlas Sdn Bhd (Takaful IKHLAS) untuk mewakili dirinya dalam mengendalikan urusan berkaitan Takaful seperti menyediakan perlindungan atau membuat pelaburan bagi pihaknya.

**3. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

| **Manfaat** | **Keterangan** |
|---|---|
| Kematian Biasa / Kemalangan | Semasa kematian, jumlah perlindungan menyusut akan dibayar kepada insitusi yang menyediakan pembiayaan. Manfaat akan dibayar tertakluk pada syarat berikut:<br>• Keadaan sedia wujud akan dikecualikan dalam tempoh 12 (dua belas) pada bulan pertama dari tarikh efektif sijil. |
| Keilatan Kekal dan Menyeluruh | Sekiranya peserta mengalami Keilatan Kekal dan Menyeluruh, jumlah perlindungan menyusut akan dibayar kepada insitusi yang menyediakan pembiayaan. Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) manfaat akan dibayar tertakluk pada syarat-syarat berikut:<br>• Hilang upaya yang berlaku disebabkan oleh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tubuh badan atau penyakit di mana peserta hilang upaya untuk melakukan sebarang kerja-kerja, perniagaan, pekerjaan atau profesion.<br>• Hilang upaya kekal akan dibayar apabila hilang upaya yang dialami berlarutan tidak kurang daripada tempoh enam (6) bulan secara berterusan.<br>• Keadaan sedia wujud akan dikecualikan dalam tempoh 12 (dua belas) bulan pertama dari tarikh efektif sijil. |
| Matang | Pada tempoh matang sijil, peserta akan menerima jumlah yang terdapat di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), jika ada. |
| Penyerahan | Pada waktu penyerahan, peserta akan menerima jumlah yang terdapat di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), jika ada. |

**4. Berapakah jumlah caruman yang perlu dibayar?**

Jumlah caruman yang anda perlu bayar akan bergantung kepada jumlah pembiayaan yang dipohon. Disamping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang akan mempengaruhi jumlah caruman seperti usia seseorang, jenis pekerjaan dan sejarah perubatan dahulu.

**5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

| Jenis | Amaun |
|---|---|
| Yuran Wakalah | 20% dari jumlah caruman |
| Komisen | 10% dari jumlah caruman |
| Duti Setem | RM10.00 |

* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

**6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?**

Pendedahan maklumat – adalah penting untuk mendedahkan semua maklumat dan fakta dengan betul seperti keadaan kesihatan, umur dan pekerjaan. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.

Penyerahan Hak Mutlak Sijil Individu - Oleh kerana Sijil Individu ini dikeluarkan di bawah Skim bersama Pemegang Sijil Induk yang dinyatakan pada dalam Sijil Induk yang juga merupakan Pemilik Sijil, oleh itu penyerahan hak mutlak tidak dibenarkan di bawah Sijil ini.

Tempoh Khiyar (Hak Untuk Pembatalan) - Dengan syarat notis bertulis telah diberikan terlebih dahulu oleh Pemegang Sijil Induk, dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh pengeluaran Sijil ini, Peserta boleh memulangkan Sijil ini kepada kepada Syarikat dan Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya dan pemulangan Caruman pula akan dibuat setelah ditolak jumlah perbelanjaan perubatan yang didahulukan oleh Syarikat. Selepas pemulangan Sijil kepada Syarikat dan pembatalan oleh Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh pengeluarannya.

**7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil ini?**

- Sijil ini tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang manfaat kematian, jika Peserta, samada waras atau tidak, cuba untuk membunuh diri, meninggal dunia disebabkan virus AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual.

- Sijil ini juga tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang keilatan, keseluruhan dan sebahagian, disebabkan secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana satu kejadian yang berikut:-

  - Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya samada di dalam keadaan siuman atau tidak;
  - Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi pra peperangan atau pemulihan perintah awam;
  - Memasuki, mengendali, menyelenggarakan atau menuruni dari atau dengan sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Peserta berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh Syarikat Penerbangan Komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
  - Jika Peserta didapati dijangkiti oleh virus HIV atau AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual;
  - Semasa Peserta berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar;
  - Jika Peserta mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful dibawah Peruntukan Asas untuk senarai lengkap pengecualian di bawah ini.

**8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini ?**

**(Jika Bayaran Caruman oleh Peserta)**
Bila anda telah menjelaskan kemudahan pembiayaan anda sebelum tarikh akhir sijil, anda boleh meminta

untuk membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dan discaj yang disahkan kepada Takaful Ikhlas. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan jumlah yang terdapat di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA).

**(Jika Bayaran Caruman oleh Pemegang Sijil)**
Bila anda telah menjelaskan kemudahan pembiayaan anda sebelum tarikh akhir sijl, pihak Pemegang Sijil boleh meminta untuk membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Takaful Ikhlas. Setelah pembatalan, jumlah yang terdapat di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA) akan dikembalikan kepada Pemegang Sijil.

**9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Sekiranya terdapat perubahan maklumat, sila maklumkan kepada kami jika terdapat pertukaran alamat bagi memastikan urusan surat-menyurat berjalan lancar.

**10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga , sila rujuk kepada buku *insurance*info mengenai 'Takaful Keluarga', yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehinya daripada wakil Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

(1) Takaful Ikhlas Sdn Bhd
CRM Department
IKHLAS Point, Tower 11A,
Avenue 5, Bangsar South
No.8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
Tel: +603 2723 9999
Faks: +603 2723 9998
Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

**11. Produk seumpama yang boleh didapati?**

*IKHLAS* Mortgage Reducing Term Takaful

**NOTA PENTING:**
PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA. SEKIRANYA ADA PERTIKAIAN DAN PERCANGGAHAN MENGENAI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI DI DALAM BAHASA MALAYSIA MAKA VERSI BAHASA INGGERIS AKAN DIGUNAPAKAI.

Kandungan yang terdapat di dalam helaian keterangan produk ini sah berkuatkuasa dari 01/09/2010.